

# Program Sains SK Satria 2011 dapat sambutan



**HADIAH...** Profesor Dr Lau Seng (dari kanan) menyampaikan hadiah kepada pemenang.

KUCHING, Khamis – Tidak dinafi bahawa ramai pelajar bersetuju mata pelajaran Sains merupakan antara subjek yang diminati kerana mereka berpeluang menjalankan eksperimen di makmal sekolah.

Sehubungan dengan itu, Timbalan Dekan Fakulti Sains Teknologi dan Sumber, Universiti

Malaysia Sarawak (UNIMAS), Profesor Dr Mustafa Abdul Rahman berkata, kerjasama antara Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan sekolah harus dimanfaatkan bagi memastikan mata pelajaran Sains terus diminati oleh para pelajar.

Beliau turut memuji usaha dan kerjasama semua pihak

dalam memastikan bidang sains terus diminati terutama oleh murid di peringkat sekolah rendah.

"Kerjasama antara institut pengajian tinggi dan sekolah dalam usaha memancing minat murid terhadap subjek sains adalah satu usaha yang harus dikekalkan pada masa akan datang," katanya semasa merasmikan program Science Project SK Satria Jaya 2011 di kampus Universiti Malaysia Sarawak di sini.

Bagi tujuan itu, Institut Kimia Malaysia (IKM) Cawangan Sarawak dengan kerjasama Fakulti Sains Teknologi dan Sumber telah menganjurkan program 'Science Project SK Satria Jaya 2011' pada 19 Julai 2011 di Makmal Penyelidikan Kimia dan Makmal Biologi di kampus UNIMAS.

Tambah beliau, sokongan daripada organisasi luar juga perlu bagi membolehkan murid-murid menanam sikap dan minat yang positif terhadap bidang Sains yang sangat berguna.

"Sokongan dari pihak organisasi seperti Institut Kimia Malaysia (IKM) memberi lebih banyak peluang kepada semua pihak untuk menjayakan program-program yang bukan sahaja boleh memancing minat murid-murid terhadap subjek sains, bahkan menunjukkan bahawa subjek sains adalah berguna dan menyeronokkan", ujarnya.

Seramai 61 murid, termasuk tiga guru, guru Penolong Kanan dan Guru Besar Sekolah Kebangsaan Satria Jaya, Kuching turut hadir dalam majlis itu.

Program sehari yang bertemakan 'Budding Scientist Having Fun' menampilkan beberapa aktiviti eksperimen berkaitan pelbagai bidang dalam sains iaitu bioteknologi, kimia dan tumbuhan.

Murid-murid yang hadir dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan menjalankan eksperimen di bawah seliaan fasilitator yang terdiri daripada pensyarah, tutor dan pelajar pascasiswazah dalam bidang sains.

Selain itu, mereka juga mengambil bahagian dalam pertandingan membuat corak tercantik menggunakan susu dan pewarna makanan, pertandingan membuat corak menggunakan bawang dan lobak.

Pengerusi IKM Cawangan Sarawak, Profesor Dr Lau Seng telah menyempurnakan majlis penutupan dan menyampaikan hadiah kepada semua pemenang. - Siti Haslina Hussin dan Misyma Ja'ang



**BAKAL SAINTIS...** Kelihatan gembira dan berasa seronok dengan aktiviti yang diadakan.



**TEKUN MENELITI...** Pelajar berpeluang mengenali dan menggunakan peralatan canggih di makmal.

